

15/08/2002

Dr M rasmi pecah tanah kampus KUIM

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka merasmikan upacara pecah tanah kampus tetap Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan pada 22 Ogos ini.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, berkata kampus berkenaan akan dibina di kawasan seluas 188.72 hektar dengan fasa pertamanya dijangka siap pertengahan 2004.

"Seramai 5,000 pelajar akan diambil apabila fasa pertama kampus berkenaan siap dandalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) iaitu pada 2006 hingga 2010," katanya di sini, hari ini.

Mohd Yusof berkata, KUIM merancang menubuhkan fakulti baru, iaitu Fakulti Sains dan Teknologi, Perubatan dan Sains Kesihatan.